



Nuansa

EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN

TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4414

FAKS : 03-20567083/7084

Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

Kesukarelawanan adalah bidang yang semakin mendapat perhatian dalam meningkatkan keupayaan sesebuah komuniti.


Ia aktiviti yang mampu memberi nilai kepada pembangunan insan terutama belia. Dalam konteks pendidikan, didapati semakin ramai siswa pada era ini yang menyedari kepentingan untuk berkhidmat secara sukarela dalam kehidupan sehari-hari.

Ini kerana terdapat banyak manfaat dan faedah yang dapat diperoleh dengan menjadi sukarelawan tanpa mengharapkan ganjaran.

Apabila seseorang penuntut terbabit dengan aktiviti sukarela dengan sendirinya melahirkan rasa simpati dan sifat tolong-menolong sesama manusia.

Nilai murni seperti inilah yang perlu ada dalam diri setiap penuntut supaya mereka bukan saja cemerlang dalam akademik malah memiliki modal insan terbaik.

> N34&N35



SISWA BERJIWA SUKARELAWAN

FOKUS

DARI MUKA N33

Seiring usaha melahirkan lebih ramai sukarelawan dalam kalangan siswa, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mewujudkan Gap Year dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), antara agenda dalam usaha membentuk pendidikan tinggi negara.

Jelaslah transformasi minda kesukarelawanan dipandang serius oleh pihak KPT.

Mengulas lebih lanjut aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan siswa, Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Perhubungan Korporat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Prof Madya Dr Afandi Ahmad berkata, di institut pengajian tinggi terdapat pelbagai persatuan mahasiswa dan kolej kediamaan memberi pilihan kepada siswa untuk menceburinya sama ada sebagai ahli biasa atau barisan pemimpin.

Malah katanya, siswa turut berpeluang menjadikan medium itu sebagai langkah permualaan untuk melakukan transformasi minda kesukarelawanan.

"Belajar untuk menolong



MEMBERSIHAKAN
kawasan Zoo Negara.

pihak lain. Pelbagai aktiviti yang berteraskan kebajikan dan kemasyarakatan pasti boleh mereka lakukan.

"Kewujudan pelbagai badan beruniform di institut pengajian tinggi seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor-Sukarelawan Polis Siswa Siswi (KUSKS), Briged RELA Siswa Sisi

HANIS Haziqah bersama peserta sukarelawan ketika misi ke Vietnam.



(RELASIS), Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) dan Sukarelawan Siswa Siswi Koreksional (SISKOR) menjelaskan tiada lagi alasan untuk mengatakan tidak kepada agenda transformasi minda kesukarelawanan di universiti," katanya.

Bagaimanapun, beliau menerangkan, nilai kesukarelawanan di kampus tetap perlu diperhalusi dan ditambah nilai.

Bermula dengan institusi keluarga dan sistem sosial, ahli politik, pemutus dasar dan ahli akademik mesti seiring menyelami risiko bakal dihadapi jika nilai kesukarelawanan ini semakin menipis serta terhakis.

"Kita bimbang minda kesukarelawanan mahasiswa dan sikap endah semakin menjauh."

"Buktinya, ada yang

hanya membiarkan tong sampah terburai isinya kerana memikirkan itu adalah kerja si tukang sapu," katanya.

Katanya, institut pengajian tinggi juga tidak terkecuali menerima tempias ledakan teknologi yang semakin menghakis nilai kemanusiaan dan keilmuan menyebabkan wujudnya sindrom 4K (Kuliahan, Katil, Cafeteria dan Komputer).

"Walaupun tiada sebarang indeks empirikal yang mengukurnya, inilah ancaman merencatkan nilai kesukarelawanan.

"Ada mahasiswa yang tidak mahu ambil tahu perkara lain kerana bagi mereka 'Kiblat' hanya kuliah. Tidak salah, tapi menjadi cacat jika tidak ambil tahu apa yang berlaku di sekeliling bukan sekadar berjaya dalam pelajaran."

"Bagi yang mementingkan diri sendiri, rehat adalah keutamaan dalam diri mereka. Hidup



Memang bukan mudah untuk berjaya dalam kedua-dua bidang tapi dengan pengurusan masa yang sistematik segalanya dapat dilakukan sebaik mungkin

NUR AN

MELAKUKAN kerja
pembersihan di kubur.



HANIS Haziqah (kiri) membantu pelajar ketika mengadakan tuisyen percuma.

bermasyarakat itu tiada dalam kamus diari mereka. Katil itulah yang menjadi sahabatnya," katanya.

Katanya, bagaimana nilai ilmu dan kesukarelawanan mahu disuruhkan jika hanya sekumpulan mahasiswa yang sama menjadi pimpinan persatuan A, B dan C?

"Mereka salah pengarah program, mereka salah pesertanya. Siswa yang hadir ke surau atau masjid, siswa itu juga yang aktif di gelanggang sukan dan

mereka juga bergegas mengajurkan program sukarela membantu gelandangan.

"Di mana yang lain? Hanya menjadi hamba 4K!," katanya.

Sementara itu, pertama mengikuti Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN Green Summer Volunteer Campaign (GSVC) Vietnam 2017 antara pengalaman berharga Hanis Haziqah Mohd Zaid, 22, sepanjang membabitkan diri sebagai sukarelawan (NGO).

sejak dua tahun lalu.

Penuntut Sarjana Muda Kejuruteraan Telekomunikasi Universiti Malaya (UM) itu berkata, dia berada di Vietnam selama sebulan menjalankan aktiviti itu di sebuah perkampungan untuk membaik pulih keadaan rumah dan persekitaran kawasan itu.

"Banyak perkara yang saya pelajari sepanjang berada di sana, antaranya mengasas bakat menjadi pemimpin dengan lebih baik dan merasai kehidupan di pedalaman."

"Tahap keyakinan diri saya juga meningkat mendakat apabila kami terdedah kepada tekanan selesa kita penat bertungkus-lumus dengan pengajian di kampus, malah meningkatkan kemahiran interaksi dengan masyarakat sekeliling," katanya.

Sejak bergelar siswa, dia semakin berani membabitkan diri dengan aktiviti sukarelawan sama ada di bawah kelolaan kampus atau kolej dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Saya puas dan gembira



Aktiviti sukarelawan ini juga pengubat kepada tekanan selepas kita penat bertungkus-lumus dengan pengajian di kampus.

HANIS HAZIQAH



Bagi yang mementingkan diri sendiri, rehat adalah keutamaan dalam diri mereka. Hidup bermasyarakat itu tiada dalam kamus diari mereka. Katil itulah yang menjadi sahabatnya

DR AFANDI



dapat melaksanakan kerja sukarela ini walaupun hanya menyumbang tenaga kepada mereka yang memerlukan.

"Aktiviti sukarelawan ini juga pengubat kepada tekanan selepas kita penat bertungkus-lumus dengan pengajian di kampus, malah meningkatkan kemahiran interaksi dengan masyarakat sekeliling," katanya.

Selain mengikuti misi ke Vietnam, Hanis Haziqah turut mengikuti Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN ke Tawau, Sabah 2016, mengajurkan kelas tambahan percuma kepada kanak-kanak di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria dan Program Kasih 4U iaitu memberi maklumat percuma kepada gelandangan.

Sementara itu, bagi penuntut tahun dua Sarjana Muda Ekologi dan Biodiversiti Nur Ain Mohd Arifin, 21, pula setiap kali melakukan kerja sukarela memberi pengalaman baru kepada sekali gus mematangkan diri untuk

lebih bersyukur.

Katanya, kesukarelawanan adalah bentuk aktiviti yang menyentuh nilai manusia dan kasih sayang sesama insan.

"Saya berasaskan kesukarelawanan sentiasa menjadi platform terbaik dalam usaha untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan rezeki dengan orang lain," katanya.

Katanya, walaupun aktif dengan aktiviti sukarelawan, dia masih menggunakan pelajaran dan perlu membahagikan masa sebaik mungkin bagi memastikan kedua-dua tanggungjawab itu dapat dilaksanakan dengan baik.

"Memang bukan mudah untuk berjaya dalam kedua-dua bidang tapi dengan pengurusan masa yang sistematik segalanya dapat dilaksanakan sebaik mungkin," katanya.

Katanya, sejak mengikuti pengajian di UM, lebih 20 aktiviti berbentuk sukarela disertai dan dia juga berhasrat mengikuti misi kemanusiaan ke luar negara.